



Prk. ML. 08/35-22 (40)
|| Disember 2014

Kepada Yang Berkenaan
(Sila lihat agihan)

Tuan,

**PEMBATALAN ARAHAN KELONGGARAN PENGUATKUASAAN SAIZ MATA
PUKAT KERONCONG PUKAT TUNDA TIDAK KURANG DARIPADA 38
MILIMETER (MM)**

Adalah saya dengan segala hormatnya ingin merujuk kepada perkara tersebut di atas. Surat daripada Ibu Pejabat Perikanan bil. Prk. ML. 59/96 Jld. 4 (24) bertarikh 28 November 2013 adalah berkaitan.

2. Untuk pengetahuan pihak tuan, dalam pekeliling di atas yang menyentuh tentang 'Bekalan Isi Pukat PE 38 MM untuk Bahagian Keroncong Pukat Tunda oleh Pengilang/Pengimport/Pekedai yang Menjual Isi Pukat Tunda' telah dimaklumkan bahawa 'Arahan Kelonggaran Penguatkuasaan Saiz Mata Pukat Keroncong Pukat Tunda Tidak Kurang Daripada 38 MM' [Prk. ML. 34/55 Jld. 23 (74) bertarikh 13 November 2013] ditetapkan selama enam bulan sahaja daripada tarikh penguatkuasaan syarat tersebut iaitu pada 1 November 2013.

3. Sehubungan dengan itu, adalah diingatkan kepada semua PPN bahawa arahan tersebut telah **terbatal dengan sendirinya selepas enam bulan daripada tarikh 1 November 2013**. Ini bermakna, masa yang diberikan oleh Jabatan kepada pemilik vesel pukat tunda untuk bertukar sepenuhnya kepada saiz minimum mata keroncong 38 mm telah mencukupi. Jabatan tidak akan berkompromi dalam hal ini dan sebarang kesalahan yang melibatkan pelanggaran terhadap syarat tersebut perlu dirujuk kepada **Peraturan – peraturan Perikanan (Kelautan 1967) (Pindaan 1982) [P.U. (A) 380]**.

AGIHAN

Pengarah
Bahagian Pengurusan Sumber

Pengarah
Bahagian Perlindungan Sumber

Pengarah
Bahagian Perancang dan Pembangunan

Pengarah
Bahagian Pengembangan dan Pemindahan Teknologi

Ketua
Pejabat Undang-Undang

Pengarah
Jabatan Perikanan Laut Sarawak

Pengarah
Pejabat Perikanan Negeri Kelantan

Pengarah
Pejabat Perikanan Negeri Terengganu

Pengarah
Pejabat Perikanan Negeri Selangor

Pengarah
Pejabat Perikanan Negeri Perak
Pengarah
Pejabat Perikanan Negeri Pahang

Pengarah
Pejabat Perikanan Negeri Kedah

Pengarah
Pejabat Perikanan Negeri Pulau Pinang

Pengarah
Pejabat Perikanan Negeri Perlis

Pengarah
Pejabat Perikanan Negeri Wilayah Persekutuan Labuan

Pengarah
Pejabat Perikanan Negeri Melaka